

07 AUG 2001

MILF-Pernyataan

MILF-MANILA METERAI GARIS PANDUAN HENTI PERMUSUHAN

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Panel perdamaian kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) hari ini menandatangani garis panduan bagi menghentikan permusuhan di Mindanao.

Mengikut garis panduan itu, kedua-dua pihak bersetuju untuk memulihkan keadaan di kawasan-kawasan konflik di Mindanao dan membuka jalan bagi pelaksanaan program pemulihan dan pembangunan.

Kerajaan Filipina diwakili oleh Jesus Dureza sementara MILF diwakili oleh ketua perundingnya Haji Murad Ebrahim.

Upacara pemeteraian itu disaksikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini sebelum rundingan antara Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut pernyataan bersama yang dikeluarkan kepada media oleh Dureza dan Murad, garis panduan itu akan melaksanakan perjanjian damai yang dicapai oleh kedua-dua pihak di Tripoli, Libya pada 22 Jun tahun ini.

Perjanjian itu melarang tindakan permusuhan dan provokasi, melindungi penjenayah dan elemen-elemen yang melanggar undang-undang serta tindakan lain yang memudaratkan keselamatan penduduk di Mindanao.

Panel itu bersetuju untuk mengadakan rundingan selanjutnya pada September 2001 bagi membincangkan agenda mengenai pemulihan, pembangunan dan penguasaan nenek-moyang.

Pernyataan itu menyatakan: "Garis panduan itu bukan sahaja melenyapkan bunyi tembakan senjata demi keamanan. Ini termasuk melarang semua pengumuman umum yang boleh menggugat keikhlasan atau kredibiliti kedua-dua pihak dalam melaksanakan keamanan.

"Untuk tujuan ini, perang peluru dan mulut hendaklah dihentikan dan kedua-dua pihak harus mengikut jalan ke arah keamanan melalui rundingan secara jujur dan berprinsip. Ini akan memberi peluang kepada penduduk Bangsa Moro untuk mencapai keamanan dan pembangunan".

Menurut pernyataan itu, pelaksanaan gencatan senjata itu terbuka kepada semua penduduk dan dunia untuk menyaksikannya dengan kumpulan pemantauan tempatan termasuk unit-unit kerajaan tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor agama.

"Wakil Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terutama Malaysia, Libya dan Indonesia telah diundang untuk memantau pelaksanaan garis panduan dalam pernyataan ini.

Panel itu melahirkan penghargaan kepada usaha Dr Mahathir, Arroyo dan pemimpin Libyan Muammar Gaddafi bagi mewujudkan keamanan, pembangunan dan kestabilan yang berkekalan di rantau itu.

Syed Hamid juga menyaksikan upacara menandatangani perjanjian perpaduan antara MILF dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

MILF, kumpulan serpihak MNLF ditubuhkan pada 1978, dua tahun selepas pemeteraian perjanjian pertama antara pemimpin MNLF Nur Misuari dan Imelda Marcos, isteri kepada Presiden Filipina ketika itu, Ferdinand Marcos di Tripoli, Libya.

Mengikut perjanjian itu, kedua-dua pihak bersetuju supaya masyarakat Moro diwakili hanya di bawah satu nama iaitu Persidangan Persaudaraan Bangsa Moro.

-- BERNAMA

MAM AFY ZS FAZ